KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15.06.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPSM			

Lebih 34 juta pokok sudah ditanam

KUANTAN – Kempen Penanaman 100 juta pokok yang dilancarkan kerajaan sudah berjaya mencapai lebih 34 peratus daripada sasaran apabila 34.275 juta pokok ditanam setakat kelmarin.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, sokongan kerajaan negeri diperlukan untuk menjayakan agenda nasional ini dengan sasaran 100 juta pokok menjelang 2025.

"Saya menyeru supaya lebih banyak persatuan, komuniti, badan bukan kerajaan dan pihak swasta mahupun individu untuk bersama terlibat dan memainkan peranan lebih aktif kerana insentif pengecualian cukai telah disediakan untuk sumbangan kepada aktiviti konservasi dan penghijauan Malaysia.

"Semua pihak disaran supaya mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti pengusahasilan hutan, sebaliknya memperkasakan pelaksanaan 'Forest Beyond Timber' seperti ekopelancongan, industri herbal dan farmaseutikal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Perhutanan Malaysia ke-19 yang dirasmikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail di sini kelmarin.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, kerajaan Persekutuan perlu menghargai komitmen dan kesungguhan kerajaan negeri dalam mengekalkan kawasan hutan dan mewartakan tambahan hutan simpan kekal serta hutan tadahan air.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri berharap kerajaan Persekutuan dapat membangunkan satu formula yang adil dan mudah untuk menyegerakan proses bayaran pampasan secara tunai ke atas setiap jenis hutan dikekalkan yang menjadi kos lepas kepada kerajaan negeri.



WAN ROSDY (depan) diiringi Takiyuddin (kiri) merasmikan Persidangan Perhutanan Malaysia ke-19 di Kuantan kelmarin.